

ZITHRACIN®

Zithracin® Film Coated Tablet 250 mg: Azithromycin 250 mg

Zithracin® Film Coated Tablet 500 mg: Azithromycin 500 mg

Zithracin® Powder for Oral Suspension 200 mg/5 mL: Azithromycin 200 mg/5 mL

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Zithracin®
2. Bagaimana Zithracin® berfungsi
3. Sebelum mengambil Zithracin®
4. Cara menggunakan Zithracin®
5. Semasa menggunakan Zithracin®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan pelupusan Zithracin®
8. Maklumat lanjut produk
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Zithracin®

Zithracin® digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria, termasuk:

- jangkitan saluran pernafasan;
- jangkitan telinga;
- jangkitan kulit dan tisu lembut;
- penyakit kelamin (jangkitan pada kemaluan).

Bagaimana Zithracin® berfungsi

Zithracin® mengandungi azithromycin dihydrate iaitu sejenis antibiotik yang dipanggil macrolide. Ia berfungsi dengan menghentikan pertumbuhan bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum mengambil Zithracin®

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Zithracin® jika anda alah kepada:

- azithromycin, erythromycin, sebarang antibiotik yang serupa atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut produk).

Zithracin® Powder for Oral Suspension:

Ubat ini mengandungi *Aspartame*, tidak sesuai jika anda mempunyai *phenylketonurics*.

- Sebelum mula menggunakan

Sebelum mengambil Zithracin®, beritahu doktor anda jika anda pernah mengalami masalah yang berikut:

- pernah mengalami cirit-birit apabila menggunakan antibiotik;
- tanda jangkitan kulit;
- pernah mengalami tindak balas alahan serius yang mengakibatkan bengkak muka dan tekak, masalah pernafasan, ruam, demam, bengkak kelenjar;
- masalah hati, jantung atau buah pinggang;
- lemah otot;
- jika anda menghidap penyakit kencing manis.

Sila beritahu doktor anda sekiranya anda mengalami mana-mana keadaan berikut:

- mengambil ubat-ubatan yang boleh menjejaskan ritma jantung seperti ubat yang digunakan untuk degupan jantung tidak tetap, psikosis, kemurungan dan antibiotik jenis fluoroquinolone;
- mempunyai paras kalium atau magnesium yang rendah dalam darah anda.

Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan sebarang ubat.

Zithracin® hanya boleh digunakan semasa kehamilan jika manfaatnya lebih daripada risiko kepada bayi.

Zithracin® dirembeskan ke dalam susu ibu. Doktor anda akan membincangkan risiko dan faedah penyusuan semasa anda mengambil Zithracin®.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Sebelum mengambil Zithracin®, beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil mana-mana ubat yang berikut:

- antasid (untuk penyakit asid gastrik berlebihan);
- digoxin (digunakan untuk merawat kegagalan fungsi jantung);
- colchicine (digunakan untuk merawat gout);
- zidovudine (digunakan untuk merawat jangkitan HIV);
- warfarin (ubat cair darah);
- cyclosporin (digunakan mencegah penolakan untuk selepas pemindahan organ atau sumsum tulang);
- ergot derivatives, seperti ergotamine (digunakan untuk merawat migrain);
- atorvastatin (ubat untuk merendahkan kolesterol).

Cara menggunakan Zithracin®

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Zithracin® Film Coated Tablet

Untuk orang dewasa dan kanak-kanak dengan berat melebihi 45kg: Bagi jangkitan penyakit kelamin, dos adalah 1 g sehari diambil sekali sahaja.

Bagi semua jangkitan lain, dos lazim bagi orang dewasa adalah 500 mg setiap hari selama 3 hari atau selama 5 hari dengan 500mg diambil pada hari pertama, kemudian 250mg diambil pada hari ke-2 hingga ke-5.

Zithracin® Powder for Oral Suspension

Goncang botol untuk melonggarkan serbuk tambah 10 mL air.

Goncangkan setiap kali sebelum menggunakan.

Jika berat badan anak anda kurang daripada 15 kg, anda hendaklah memberikan dos yang paling tepat. Untuk kanak-kanak dengan berat badan 15 kg atau lebih, gunakan alat penyukat yang bersesuaian untuk memberikan ubat.

Doktor anak anda akan menetapkan dos mengikut jenis jangkitan dan berat badan anak anda.

- Bila perlu digunakan

Ambil sekali sehari atau ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Zithracin® boleh diambil dengan atau tanpa makanan.

Zithracin® Film Coated Tablet

Tablet Zithracin® hendaklah ditelan sepenuhnya.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Zithracin® dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Zithracin®

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil Zithracin® hanya dengan preskripsi doktor.

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda, bahawa anda sedang mengambil Zithracin®.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Hentikan pengambilan Zithracin® dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera sekiranya anda atau anak anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini:

- kulit menjadi kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata;
- kulit atau mata menjadi kuning (jaundis);
- cirit-birit yang teruk atau berpanjangan yang mungkin disertai dengan darah atau mukus semasa atau selepas rawatan dengan Zithracin®;

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor anda.

Jangan beri Zithracin® kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan jentera sehingga anda tahu kesan Zithracin® terhadap diri anda.

Zithracin® Powder for Oral Suspension

Zithracin® Powder for Oral Suspension mengandungi sukrosa, sejenis gula (3.24 g dalam 5 mL). Jika doktor anak anda telah maklumkan bahawa anak anda mempunyai intoleransi terhadap sesetengah jenis gula, hubungi doktor anak anda sebelum memberi Zithracin®. Jika anak anda menghidap diabetes, anda mungkin perlu mengambil kira perkara ini dalam diet anak anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Zithracin® boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Zithracin® boleh menyebabkan alergi yang teruk dan reaksi kulit yang serius.

Hentikan penggunaan Zithracin® dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut:

- kulit kemerah-merahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- sel darah putih atau platelet rendah;
- masalah pendengaran, bunyi berdering dalam telinga, rasa berpusing;
- loya, muntah, cirit-birit, ketidakhadaman, sembelit, kekejangan/kesakitan abdomen, angin, radang pada usus besar dan perubahan warna lidah;
- ruam, bengkak pada kulit dan membran mukus, kegatalan, sensitif terhadap cahaya, dan geligata;
- rasa lemah, lesu, tidak selesa;
- jangkitan yis pada mulut dan tekak, radang faraj;
- masalah pemakanan (*anorexia*);
- agresif, rasa gementar, agitasi dan keresahan;
- pening, sawan, sakit kepala, hiperaktif, deria sentuhan yang mengurang atau tidak normal, mengantuk, dan tidak sedar diri;
- debaran jantung yang laju dan tidak normal
- tekanan darah rendah;
- radang hati, kulit dan mata menjadi kekuningan (*jaundis*);
- sakit sendi;
- keradangan atau kegagalan buah pinggang.

Zithracin® Powder for Oral Suspension

Sekiranya anda mendapati bahawa anak anda muntah dan/atau kesengsaraan dengan penyusuan berlaku, hubungi doktor dengan serta-merta kerana ia mungkin disebabkan oleh steroid pylorus hypertrophic (IHPS) bayi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Penyimpanan dan pelupusan Zithracin®

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada capaian kanak-kanak.

Zithracin® Film Coated Tablet: Disimpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Zithracin® Powder for Oral Suspension 200mg/5ml: Disimpan di bawah suhu 30°C. Melindungi dari cahaya dan kelembapan.

Selepas dibancuh, cecair harus disimpan di bawah suhu 30°C dan digunakan dalam tempoh 5 hari. Buang semua baki ubat selepas 5 hari.


- Pelupusan


Jangan guna Zithracin® yang melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak.

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut produk

- Rupa dan warna

Zithracin® Film Coated Tablet 250 mg adalah tablet putih bersalut filem dalam bentuk  dan bercetak dengan 'YSP' pada satu permukaan.

Zithracin® Film Coated Tablet 500 mg adalah tablet putih bersalut filem dalam bentuk , satu permukaan bercetak dengan 'YSP 50' dan permukaan lain dengan skor.

Zithracin® Powder for Oral Suspension 200mg/5ml Sebelum dibancuh: Ia merupakan serbuk granul yang berwarna putih hingga

kekuningan dengan perisa buah-buahan. Selepas dibancuh: Ia merupakan cecair yang berwarna putih hingga kekuningan dengan perisa buah-buahan.

- Bahan kandungan

Bahan aktif

Azithromycin Dihydrate

Bahan tidak aktif

Zithracin® Film Coated Tablet
Tablet core

Calcium Phosphate, Dibasic Dihydrate

Croscarmellose Sodium

Lactose Monohydrate

Magnesium Stearate

Pregelatinized Starch

Sodium Lauryl Sulfate

Film coating

Hydroxypropyl Methylcellulose

Triacetin

Titanium Dioxide

Zithracin® Powder for Oral Suspension 200mg/5ml

Aspartame

Basic Butylated Copolymer

Cellulose

Icing Sugar

Methacrylate Sodium Lauryl Sulfate

Silicon Dioxide

Sodium Phosphate

Stearic Acid Fine Powder

Tutti Fruity Flavour and Purified Water

Xanthan Gum

- Nombor MAL:

Zithracin® Film Coated Tablet 250 mg: MAL25116036AZ

Zithracin® Film Coated Tablet 500 mg: MAL25116029AZ

Zithracin® Powder for Oral Suspension 200 mg/5 mL: MAL24126028AZ

**Pengilang dan Pemegang
Pendaftaran Produk**

Y.S.P. INDUSTRIES (M) SDN.
BHD.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7,
Section 13, Kawasan Perindustrian
Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang,
Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

06/11/2025

Nombor Siri

NPRA (R2) 24/184